

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kebimbangan dan punca-punca kebimbangan pelajar di sekolah menengah harian di Kuala Lumpur. Tumpuan kajian ini antara lain ialah untuk melihat faktor yang menyebabkan kebimbangan di kalangan pelajar, perbezaan tahap kebimbangan dan punca kebimbangan berdasarkan pembolehubah jantina, etnik dan pendapatan keluarga. Sekolah yang dipilih untuk kajian ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5 Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Seramai 160 orang pelajar tingkatan 4 dipilih sebagai sampel kajian. Mereka terdiri daripada 94 orang pelajar Melayu dan 66 orang pelajar bukan Melayu (Cina, India dan lain-lain). Pemilihan sampel dibuat secara rawak berstrata. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik, manakala penganalisan data dibuat menggunakan program SPSS-pc. Ujian-t dan ANOVA satu hala digunakan bagi menguji hipotesis. Hasil kajian menunjukkan tahap kebimbangan pelajar adalah pada tahap sederhana. Punca-punca kebimbangan yang utama adalah penyesuaian kepada kerja sekolah, pelajaran dan kerjaya, dan hubungan sosial psikologikal. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kebimbangan antara pelajar Melayu dan pelajar bukan Melayu. Pelajar Melayu mengalami lebih kebimbangan berbanding dengan pelajar bukan Melayu. Terdapat juga perbezaan yang signifikan dalam tahap kebimbangan antara pelajar perempuan dan pelajar lelaki. Pelajar perempuan mengalami lebih kebimbangan berbanding pelajar lelaki.

## **A STUDY ON ANXIETY AND THE SOURCES OF ANXIETY AMONG STUDENTS IN A SECONDARY SCHOOL IN KUALA LUMPUR**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify the anxiety level and the sources of anxiety among secondary school students in Kuala Lumpur. The selected school for the study was Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 5, Jalan Ipoh Kuala Lumpur, 51200 Kuala Lumpur. 160 students has been selected for the study of which 94 were Malay students and 66 were non Malay (Chinese, Indians, ect). The sample were chosen using stratified random sampling. Questionnaires were used to collect the data and analysis of the data were conducted using the SPSS-pc programme. T-test and one-way ANOVA were used to test the hypothesis. Results of the study shows that the anxiety level is moderate. The major sources of anxiety were identified from the factors of Suitability of School Work followed by Lessons and Career and Social Psychological Relationship. Result of the study also shows that the level of anxiety has a significant difference between Malay and the Non-Malay students. Malay students were having more anxieties as compared to non-Malay. There were also significant difference between male and female students. Female student were having more anxieties as compared to the male student.